



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Blok 1 & 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN JOM KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2012

10 Januari 2012, Kuala Lumpur - YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menjayakan Majlis Pelancaran Kempen Jom Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012 di **Lanai Seni, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur**. Majlis ini diadakan bersempena dengan **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan** yang disambut pada setiap **1 Februari** pada setiap tahun. **Slogan** sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah **"Rakyat Bersatu Wilayah Persekutuan Maju"**. Sempena majlis ini juga, YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin turut menyampaikan bendera Wilayah Persekutuan kepada wakil penduduk/peniaga sekitar Kuala Lumpur dan mengadakan '*walkabout*' ke sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman.

2. Kempen kibar bendera ini dianjurkan bertujuan untuk mempromosi bendera Wilayah Persekutuan kepada semua rakyat agar lebih dikenali. Selain itu, pemberian bendera Wilayah Persekutuan yang diedarkan secara percuma juga adalah untuk menggalakkan warga wilayah mengibarkan bendera di rumah, premis perniagaan dan kenderaan sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012. Melalui kempen ini diharapkan agar nilai-nilai murni seperti rasa sayang atau '*sense of belonging*' kepada Wilayah Persekutuan di kalangan warga wilayah akan dapat disemai dan dipupuk.

3. Pelbagai aktiviti pengisian kibar bendera Wilayah Persekutuan telah di atur dan akan dianjurkan oleh agensi-agensi KWPKB iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Penganjuran aktiviti-aktiviti kali ini turut menyasarkan penglibatan dari golongan muda seperti pelajar-pelajar sekolah, kolej serta universiti. Selain itu, ia juga turut menggalakkan penglibatan secara aktif daripada persatuan penduduk dan peniaga serta sektor awam dan juga swasta di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Antara aktiviti-aktiviti pengisian untuk Kempen Kibar Bendera kali ini adalah seperti **Pertandingan Kibar Bendera di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Pertandingan Fotografi, Konvoi Berbasikal Kibar Bendera Hari Wilayah Persekutuan, Pertandingan Jejak Jalur Gemilang dan lain-lain.**

4. Selain itu, aktiviti penghiasan di tempat-tempat awam seperti penggantungan bendera di jalan-jalan utama/protokol akan dilaksanakan bagi menceriakan dan memeriahkan lagi sambutan pada kali ini. Bagi tujuan yang sama, bendera-bendera Wilayah Persekutuan juga akan digantung di kawasan-kawasan perumahan awam dan projek perumahan rakyat di sekitar Wilayah Persekutuan. Penglibatan syarikat-syarikat swasta dan badan-badan korporat termasuk pengendali lebuh raya iaitu PLUS, AKLEH, NPE, DUKE, MEX dan lain-lain turut disarankan untuk mengibarkan bendera di sepanjang lebuh raya, bangunan dan premis masing-masing.

5. Sebagai langkah awal untuk menggalakkan pengibaran bendera sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012 ini, bendera Wilayah Persekutuan akan diedarkan kepada orang ramai dan juga peniaga-peniaga di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman. Semoga pengedaran bendera ini akan dimanfaatkan sepenuhnya dengan mengibarkannya di premis masing-masing sepanjang tempoh sambutan berlangsung. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2012 ini akan dapat memupuk rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan bagi mencapai matlamat membangunkan bersama kecemerlangan dan kegemilangan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang Maju dan Sejahtera.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
10 Januari 2012
KUALA LUMPUR